CNS7396
U GB 28-02 00140 BA476
AAB
Mahathir - Teluk '''

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap Presiden Iraq, Saddam Hussein menerima segala syarat dan resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi menamatkan Perang Teluk.

Perdana Menteri berkata, beliau dukacita Presiden Saddam nampaknya menerima syarat dan resolusi itu satu demi satu.

+Kalau dia (Presiden Saddam) terima awal-awal lagi, tak siapa akan mati,+ katanya kepada pemberita selepas melancar Majlis Perdagangan Malaysia di sini.

Akibat daripada tindakannya itu, ramai rakyat dan askar Iraq menderita sedangkan dia (Saddam) sendiri terselamat, kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Sementara itu, menurut laporan agensi-agensi berita tengah hari ini, tentera Bersekutu menggantung semua serangan pada tengah malam Rabu melainkan Iraq yang menyerang.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap Presiden Saddam sentiasa mengambil kira keselamatan rakyat dan askar Iraq. -- Bernama.

♥28/02/14-11MST